


TARIKH	25, 9   2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	Setempat

# Galas amanah

■ Lelaki bawa ibu tunai haji



## Lambaian Kaabah

Oleh Fazurawati Che Lah  
fazurawati@mediapri-  
ma.com.my  
**Kelana Jaya**

“**D**ua tahun lalu saya datang ke kompleks ini untuk menghantar saudara yang mahu berangkat ke Tanah Suci.

“Pada masa itu saya dapat melihat betapa gembira mereka yang dapat menunaikan haji, keadaan itu membuatkan saya nekad menunaikan Rukun Islam kelima dan berdoa supaya dipanggil menjadi tetamu Allah,” luah jemaah haji, Mohd Rosli Ma-

mat, 46, dari Raub, Pahang. Mohd Rosli berkata dia bersyukur kerana hasratnya itu dimakbulkan Tuhan malah lebih mengembirakan dia dapat menunaikan haji bersama ibunya Mariam Muhammad, 75.

Katanya peluang menjadi mahram kepada ibunya digalas sebaiknya supaya mereka dapat mengerjakan ibadat dengan sempurna dan mendapat haji mabrur.

Katanya, ibunya yang menghadapi masalah berjalan dan pendengaran memerlukan pengawasan khusus daripadanya dan ini menjadi cabaran kepada dia mengalas tanggungjawab berkenaan apatah lagi berdepan dengan umat Islam dari serata dunia.

“Insyaa-Allah saya berdoa



“**Saya berdoa diberi kesihatan yang baik agar dapat membantu emak menjalani ibadat**”  
Mohd Rosli Mamat

**MOHD Rosli (kanan) dan ibunya bersama ahli keluarga sebelum berangkat ke Tanah Suci.**

diberi kesihatan yang baik sepanjang berada di Tanah Suci agar dapat membantu emak menjalani ibadat bersama-sama.

“Ini amanah yang harus digalas kerana mendapat kepercayaan daripada adik-beradik untuk menjaga emak ketika berada di sana,” katanya.

Katanya, walaupun perancangan membawa isteri bersama tidak tercapai, namun dia reda dan mendoakan mereka berpeluang menunaikan haji bersama.

Katanya, banyak yang mahu didoakan apabila berada di hadapan Kaabah termasuk yang dikiriskan saudara dan rakan.